

Pelancongan seni atau pelencongan seni



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

UB 24.9.2017 B2

APABILA negara mulai maju dan taraf ekonomi meningkat maka rakyat ada peluang untuk bersenang dan menjalankan kehidupan berkualiti. Lumrahnya masyarakat akan melancong dan berbelanja di luar negara.

Boleh dikatakan setiap negara memperlengkapkan kepentingan pelancongan atau *tourism* kerana ia sudah menjadi pendapatan negara yang sangat lumayan pada masa kini. Menurut sumber yang dipercayai, pelancongan menjadi penjana kedua terbesar negara selepas eksport kasar negara.

Itu sebabnya kerajaan melantik seorang menteri yang khas menjaga sektor pelancongan dan negara kita sememangnya bersaing dengan negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura untuk menjemput sebanyak mungkin pelancong yang datang ke Asia Tenggara memilih negara kita sebagai destinasi pelancongan mereka.

Jika mereka memilih negara kita maka sudah pasti mereka akan berbelanja di negara kita. Pada dasarnya tempat menarik semulajadi terutamanya landskap muka bumi semulajadi yang alami adalah lebih kurang sama antara Malaysia dan negara jiran yang lain. Apa yang mereka ada kita juga tidak kurangnya, namun

di antara kesamaan tempat dan keutamaan pelancongan itu juga terdapat beberapa kelebihan negara jiran umpamanya Indonesia dengan sejarah dan budaya etnik yang lama dan banyak memandangkan penduduknya yang besar.

Begitu juga negara Gajah Putih atau Thailand pula mempunyai sejarah dan budaya yang unik tidak seperti Indonesia. Bahkan Filipina yang menjadi jiran yang hampir Malaysia pun mempunyai seni dan budaya yang tidak sama dengan negara kita walaupun terdapat komposisi beberapa etnik nya yang boleh dianggap sama seperti Suluk, Bajau Laut dan Pelau.

Oleh itu persoalannya bagaimana negara kita yang berjiran dengan negara yang mempunyai tarikan yang lebih dari kita dapat menarik minat pelancong luar datang ke negara kita. Jika setakat tempat-tempat tarikan asli seperti alam semulajadi, flora dan fauna sahaja sudah tentu negara kita akan ketinggalan ke belakang dari mereka.

Sepertimana dalam tulisan saya yang terdahulu bertajuk Revolusi industri kreatif, ada saya nyatakan bahawa sektor seni dan budaya kita yang unik boleh membantu untuk pelancong berduyun datang ke negara kita. Tetapi jika hanya berharap kepada apa yang sudah sedia ada tanpa membuat rancangan dan usaha yang lebih pro aktif dan kreatif maka kita tidak akan berjaya.

Pada hemat saya di pihak pelancongan negara harus berusaha menyediakan program yang melibatkan seni untuk memeriahkan lagi usaha negara untuk menjadikan pelancongan sebagai suatu industri yang bertaraf global.

Untuk tujuan tersebut peranan seni patut digemblengkan dengan mengadakan acara dan pesta seperti IMCAT atau *One Malaysia Contemporary Art and Tourist* yang diadakan pada bulan Jun setiap tahun.

IMCAT diadakan dengan tujuan mengangkat kesenian visual dan berupaya membiayai kehidupan

mereka yang mempamerkan identiti negara melalui seni lukis, justeru negara Malaysia juga terkenal di barat seperti Eropah dan Amerika Latin.

Walaupun menurut kajian ramai *tourist* melawat negara kerana keindahan pemandangan semulajadi, makanan, budaya masyarakat tempatan serta keunikan yang terdapat di tempat tersebut namun begitu jika hanya muka bumi semulajadi sahaja yang diharap untuk pelawat serta pelancong membanjiri sesebuah negara maka sudah tentu tidak ramai yang akan datang.

Berkemungkinan sesetengah mereka akan pergi ke tempat lain yang lebih menawarkan kemudahan serta agenda *tourist* yang lebih baik. Selain dari pusat membeli-belah didapati juga bahawa pelancong berkunjung ke sesebuah negara untuk melawat kerana faktor kesenian dan budaya yang unik serta yang terdapat di negara tersebut.

Oleh itu merujuk

dalam hidup masyarakat moden.

Justeru pada tahun 2010 kerajaan telah bekerjasama dengan Balai Seni Lukis Negara serta galeri kepunyaan kerajaan dan swasta di setiap negeri merancang beberapa program sepanjang tahun untuk mengangkat karya seni dan seniman berganding tenaga agar dapat menarik perhatian pelancong luar negara.

Program yang dirancang sejak itu membuahkan pameran seni di bawah program IMCAT, rancangan tersebut adalah satu pesta dan pameran yang berjalan sepanjang tahun mulai bulan Jun hingga Disember beberapa acara dan festival dijalankan yang berkaitan dengan seni visual dan kebudayaan di seluruh negara.

Di samping itu usaha juga dijalankan oleh pihak kementerian pelancongan untuk membeli karya pelukis tempatan yang terkenal sebagai

“Ambil contoh bandaraya seperti London, New York dan Singapura ramai pengunjung yang melawat muzium dan galeri untuk menghayati karya seni yang dipamerkan serta karya seni awam yang terdapat di setiap lokasi di bandaraya tersebut. Oleh itu setiap tahun galeri yang terkenal seluruh dunia berebut menawarkan karya koleksi mereka untuk dipamerkan kepada pelancongan dengan festival seni yang diadakan sepanjang tahun.”

kepada fakta yang tercatat dalam kajian sebagaimana yang diketahui untuk pertama kalinya dalam sejarah Amerika Syarikat mendapati bahawa sumbangan seni dan budaya kepada ekonomi negara mendapati bahawa seni filem, seni visual, percetakan, *cabl* dan banyak lagi berharga trilion ringgit-tiga persen pendapatan negara USA.


Itu melebihi pendapatan perjalanan dan pelancongan digabungkan sekali. Oleh itu seni yang dipandang sepi oleh masyarakat terutamanya masyarakat tempatan kini sudah berubah menjadi perkara penting

koleksi tetap galeri di setiap negeri. Berdasarkan pemerhatian penulis kebanyakan pelancong berduyun-duyun ke negara barat adalah kerana ingin menikmati karya seni dan budaya negara tersebut.

Ambil contoh bandaraya seperti London, New York dan Singapura ramai pengunjung yang melawat muzium dan galeri untuk menghayati karya seni yang dipamerkan serta karya seni awam yang terdapat di setiap lokasi di bandaraya tersebut. Oleh itu setiap tahun galeri yang terkenal seluruh dunia berebut menawarkan karya koleksi mereka untuk dipamerkan kepada pelancongan dengan festival seni yang diadakan sepanjang tahun.

Di samping itu karya seni yang dipamerkan kepada pelancong yang berkunjung biasanya menggambarkan budaya tempatan dan identiti setempat. Pelancong juga bukan sahaja berkunjung ke galeri seni untuk menikmati karya seni yang dipamerkan, mereka juga ingin memperoleh karya seni yang dapat dibawa pulang dan kadangkala ingin memperoleh produk seni umpamanya kraftangan tempatan yang unik.

Oleh itu terdapat pelancong yang sangat



ARCA Cloud Gate oleh Anis Kapoor di Chicago.



ARCA awam di Singapura.

seni yang akan diadakan bagi pertama kalinya, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan Kementerian Pelancongan akan mengadakan *Kuala Lumpur Art Biennale* pada 1 November hingga 18 Mac 2018. *Biennale* adalah seni berskala mega dan bertaraf antarabangsa dan ia juga didapati menjadi penanda aras budaya nasional sesebuah negara yang berdaya saing.

Biennale menurut bahasa Latin bermaksud sesuatu pesta yang besar diadakan setiap dua tahun sekali. Sejarah *Biennale* bermula di Eropah, iaitu Venice Biennale pada tahun 1895 dan oleh sebab popularnya di kalangan pengunjung dan *tourist* maka fiesta seni visual ini diikuti oleh negara terkenal di seluruh dunia dan Asia seperti Arab Saudi, China, Turki, Bangladesh, Republik Korea, Indonesia, India dan Singapura.

Berdasarkan bncian yang dijalankan terdapat sambutan yang sangat menggalakkan terhadap program *Biennale* ini kerana pada tahun 1915 sahaja terdapat lima ratus enam puluh ribu pelawat semasa *Singapore Art Biennale* dan lima ratus ribu pelancong di *Venice Art Biennale*.

Program yang berbentuk popular dan elitis juga dijalankan sepanjang *Biennale* di samping pameran seni lukis yang dijemput dari dalam dan luar negara, turut diadakan forum, seminar serta konferensi di semua Institut Pengajian Awam dan swasta. Di samping itu agenda utama adalah mengangkat seniman dan karya seni tempatan ke peringkat antarabangsa.

Antara lain objektif yang ingin dicapai menurut pihak LPSVN dan Kementerian Pelancongan adalah memperluaskan jaringan kerjasama Balai Seni Negara, memartabatkan seni di peringkat antarabangsa, menyematkan Malaysia ke peta seni global sebagai negara yang wajib dikunjungi, membangunkan industri kreatif negara, dan melestarikan kehidupan kreatif yang berterusan.

Jika dilihat dari usaha yang dijalankan kerajaan dan pihak tertentu, membuktikan kepada khalayak bahawa seni, seniman dan produk seni bukan lagi sebagai pingiran dalam sektor ekonomi negara bahkan perbelanjaan serta usaha yang besar yang perlu disumbangkan oleh kerajaan untuk menjayakan program seperti IMCAT dan *Kuala Lumpur Art Biennale* ini menunjukkan seni visual dan seni budaya mendapat perhatian yang sangat tinggi.

Diharapkan pelukis dan seniman negara tidak dilupakan dalam usaha memartabatkan pelancongan seni negara dan tidak menjadi pelancongan seni semata-mata di mana matlamat dan objektif utama tidak tercapai. Jangan menjadi indah khabar dari rupa dan seniman masih tinggal di takuk lama, umpama pepatah Melayu *sepuluh gong masuk anjing masih bercawat ekor*.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



PELANCONG berkunjung di arca Picasso.